

# PANGKALAN UDARA SUBANG KUNJUNGAN LAWATAN DELEGASI TURAF



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5137-pangkalan-udara-subang-terima-lawatan-delegasi-turaf](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5137-pangkalan-udara-subang-terima-lawatan-delegasi-turaf)

SUBANG, 26 Jun 19 - Bersempena dengan Program *Air Staff Talks* yang berlangsung dari 24 hingga 27 Jun 19, delegasi *Turkish Air Force* (TURAF) telah dibawa melawat ke Pangkalan Udara Subang semasa sesi lawatan rasmi.

Delegasi telah dibawa melawat No 22 Skuadron yang mengoperasikan pesawat A400M dan Pusat Penyelidikan dan Latihan Simulator - G. Dalam kedua-dua lawatan tersebut, delegasi telah diberikan taklimat mengenai keupayaan aset yang dimiliki oleh TUDM dan berbincang berkenaan peluang kerjasama yang dapat dilaksanakan antara TUDM dan TURAF.

Selesai lawatan, delegasi dibawa ke Kelab Rekreasi Tentera Udara (KRTU) untuk jamuan makan tengahari yang dihoskan oleh Komander Pangkalan Udara Subang, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM.



